

Penetapan Mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah Sebagai Definisi Islam di Malaysia: Hak Penyebaran Agama bagi Kumpulan Agama Minoriti

(Sunni School of Thought as Definition of Islam in Malaysia and Its Implication to the Right to Propagate Amongst Non-Sunni Religious Minority Groups)

EZAD AZRAAI JAMSARI, MOHD AL ADIB SAMURI, SALMY EDAWATY YAACOB, NOOR AZIAH MOHD AWAL,
IZHAR ARIFF MOHD KASHIM & MOHAMAD ZULFAZDLEE ABUL HASSAN ASHARI

ABSTRAK

Peruntukan perundangan Islam di Malaysia telah secara jelas mengangkat mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah sebagai mazhab yang diiktiraf. Peruntukan tersebut telah menimbulkan implikasi terutamanya kepada hak beragama di kalangan kumpulan agama minoriti termasuklah kumpulan yang tidak bermazhab Ahli Sunnah. Persoalannya, sejauhmana jaminan kebebasan beragama yang wujud dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia benar-benar memberikan hak kebebasan beragama kepada kumpulan agama minoriti yang juga Muslim. Artikel ini bertujuan untuk menilai sejauhmana hak penyebaran ajaran agama dan ideologi diberikan kepada kumpulan minoriti agama yang tidak sehaluan dengan Ahli Sunnah di Malaysia. Kajian mendapati bahawa kebebasan untuk menganuti dan mengamalkan agama adalah suatu yang mutlak di Malaysia, namun terdapat sekatan yang dibuat oleh Perlembagaan dalam hak penyebaran agama ataupun ajaran kepada orang Islam. Kebebasan beragama kumpulan minoriti agama selain Ahli Sunnah tidak terjejas kerana mereka masih boleh menganuti dan mengamalkan kepercayaan mereka. Kajian ini telah dapat menggambarkan konsep sebenar kebebasan beragama di Malaysia yang mempunyai sekatan dan bukannya mutlak, walaupun terhadap kumpulan minoriti agama, termasuk yang beragama Islam dari aliran mazhab yang berbeza. Artikel ini boleh menjadi asas kepada penyelidikan lanjutan terutama mengenai sejauhmana sekatan yang dikenakan kepada kumpulan agama minoriti boleh terlibat dengan aktiviti keganasan atau militan sebagai respon kepada sekatan yang dianggap mendiskriminasi mereka.

Kata kunci: Kebebasan beragama, kumpulan minoriti muslim, sunni-syiah, kawalan penyebaran agama

ABSTRACT

Islamic law in Malaysia clearly upholds the Ahli Sunnah wa al-Jamaah school of thought (Sunni) as a recognized sect. That provision has several implications especially towards the freedom of religion among the religious minority groups including muslim sects who are not Sunni. The issue is to what extent is freedom of religion as provided by the Federal Constitution guarantees the freedom to Muslim religious minority groups. The objective of this article is to study the freedom to propagate amongst non-Sunni religious minority groups in Malaysia. This article found that the freedom to profess and practice are fully protected by the Constitution. However such freedom does not include the right to propagate the teaching amongst Muslims. The religious minority groups' freedom of religion are not affected since they are still allowed to profess and practice their beliefs. This article implies the real concept of freedom of religion which has some limitations, not an absolute protection, even to the Muslim religious minority group who are non-Sunni. This article may inspire future research on the extend of limitation of freedom of religion amongst religious minority groups and whether such limitations may instigate them to be involved in terrorism or militancy as a response to the so-called discrimination.

Keywords: Freedom of religion, muslim minority group, sunni-shia, restriction on religious propagation

PENGENALAN

Pada akhir tahun 2010, penguatkuasa agama di sebuah negeri di Malaysia telah menyerbu pusat ajaran Syiah dan para pengikut Syiah ditahan, disoal siasat dan akan didakwa di mahkamah syariah kerana mengamalkan ajaran yang diharamkan di Malaysia.¹ Kemudiannya, pengikut Syiah membuat kenyataan akhbar tentang hak beragama mereka yang terjejas berikutan tindakan pihak berkuasa agama terhadap mereka.² Syiah yang dilihat sebagai ajaran yang bertentangan dengan aliran arus perdana, Ahli Sunnah wa al-Jamaah (Ahli Sunnah), adalah sebahagian kumpulan agama minoriti yang menerima tekanan undang-undang selain daripada lebih 40 kumpulan ajaran yang diwartakan sesat dan/atau haram di Malaysia. Antara kumpulan agama minoriti yang lain ialah al-Arqam dan Ahmadiyah yang secara konsisten dipantau oleh pihak berkuasa agama.³ Asas pengharaman ialah ajaran-ajaran tersebut bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah, suatu mazhab yang dianggap sebagai 'rasmi' oleh pihak berkuasa agama di Malaysia. Selain kes-kes itu, kumpulan minoriti Muslim seperti Salafi turut menerima tekanan undang-undang daripada pihak berkuasa agama. Sehingga penulisan ini ditulis, dua tokoh yang dikaitkan dengan aliran kumpulan Salafi telah didakwa dan masih dalam perbicaraan mahkamah atas kesalahan pengajaran agama tanpa tauliah.⁴ Sehubungan itu, kumpulan minoriti agama yang menyebarkan ideologi, ajaran, kepercayaan ataupun mazhab selain Ahli Sunnah akan menghadapi tindakan perundangan yang boleh dianggap sebagai suatu yang menjejaskan hak kebebasan beragama mereka.

Daripada senario di atas, terdapat keperluan untuk mengkaji tentang kebebasan beragama kumpulan minoriti Muslim di sebuah negara Islam seperti Malaysia. Sebagaimana yang dikehendaki oleh Cooray,⁵ konflik kebebasan beragama tidak hanya muncul antara kumpulan agama yang berbeza, tetapi turut timbul antara mazhab dan kumpulan dalam sesebuah agama atau antara fundamentalis dan juga modernis. Malahan, kumpulan agama yang lebih dominan akan berkeras untuk mengenakan undang-undang agamanya kepada kumpulan minoriti ataupun menghapuskan mereka. Pandangan Cooray ini menggambarkan keperluan dalam membincangkan isu ini. Kajian sebegini juga relevan sebagaimana disarankan oleh Stahnke & Blitt⁶ yang mencadangkan kajian lanjut perlu dibuat tentang kebebasan beragama di negara-negara Islam yang pada awalnya didapati kebebasan beragama tidak diberikan secara mutlak kepada rakyatnya. Tambahan lagi, sebagaimana menurut Diver & Thomson,⁷ sistem perundangan sesebuah negara kelihatan semakin kebal daripada dicabar di mahkamah atas alasan hak asasi manusia. Sesebuah negara boleh mengenakan bentuk sekatan terhadap kebebasan beragama dengan cara diskriminasi yang lebih tidak kelihatan terhadap kumpulan agama minoriti tersebut.

Artikel ini bertujuan untuk menganalisa sejauh mana kumpulan minoriti agama selain Ahli Sunnah menikmati kebebasan beragama sepenuhnya terutamanya dalam hak penyebaran ajaran dan ideologi mereka di Malaysia. Artikel ini tidak akan membincangkan tentang kebebasan untuk seseorang memeluk atau keluar daripada Islam, memandangkan fokus diskusi adalah kumpulan minoriti yang masih beragama Islam tetapi berbeza aliran dan mazhab.

LATAR BELAKANG: MAZHAB AHLI SUNNAH WA AL-JAMAAH SEBAGAI DEFINISI ISLAM DI MALAYSIA

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam adalah agama Persekutuan namun agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.⁸ Ini menunjukkan bahawa agama Islam mempunyai kedudukan yang istimewa kerana ia adalah satu-satunya agama yang disebut di dalam perlembagaan. Bagaimanapun, timbul persoalan tentang definisi Islam yang termaktub dalam Perlembagaan. Adakah ia mengkhususkan kepada satu aliran mazhab sahaja? Atau menerima apa sahaja mazhab yang wujud dalam dunia Islam? Muhammed Imam⁹ berpendapat bahawa definisi Islam di Malaysia ialah mazhab Ahli al-Sunnah Wa al-Jamaah. Ini bermakna Islam yang dimaksudkan oleh Perlembagaan Persekutuan adalah Islam bermazhab Ahli Sunnah. Kenyataan ini berautoritikan kepada perlembagaan kebanyakan negeri di Malaysia yang memasukkan perkataan Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah sebagai mazhab rasmi dan definisi bagi Islam. Perlembagaan negeri seperti Kedah, Kelantan dan Perlis telah mengisytiharkan 'Agama Islam Ahli al-Sunnah Wa al-Jamaah sebagai agama rasmi negeri dan Sultan juga mestilah bermazhab tersebut'. Johor sekadar menyebut agama Islam sebagai agama negeri, manakala Negeri Sembilan, Pahang, Selangor and Terengganu menyatakan 'agama Islam; dianuti dan diamalkan sehingga akan datang.' Hanya Perak yang meletakkan Islam bermazhab Shafie sebagai mazhab negeri. Sebagaimana yang diketahui, mazhab Shafie adalah pecahan dalam mazhab Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah. Peruntukan ini secara jelas menyatakan tentang mazhab yang diiktiraf dalam sistem perundangan Islam di Malaysia. Berbanding dengan Perlembagaan Republik Islam Iran, negara itu memasukkan perkataan mazhab rasmi iaitu Syiah *Ihna Asyarah - Ja'afariyyah* (Imam Dua Belas), suatu mazhab yang tidak sehaluan dengan Ahli Sunnah. Dalam Perkara 12, Perlembagaan Republik Islam Iran menyatakan; "*The official religion of Iran is Islam and the Twelver Ja'fari school [in usul al-Din and fiqh], and this principle will remain eternally immutable.*" Bagaimanapun, penganut Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah dibenarkan untuk mengamalkan aqidah dan fiqh mereka secara bebas terutamanya dalam aspek

pendidikan, proses perbicaraan di mahkamah dan matrimonial.¹⁰

Apabila Perlembagaan Persekutuan sendiri tidak mendefinisikan Islam dalam Perkara 3, satu kaedah pentafsiran perlu digariskan. Pentafsiran itu dapat dibuat dengan melihat kepada sebarang peruntukan dalam statut bertulis yang digubal menerusi kuasa Perlembagaan. Pentafsiran juga boleh diperolehi dengan menganalisa keputusan mahkamah di Malaysia. Kedudukan mazhab Ahli Sunnah dapat dilihat dalam banyak statut di peringkat persekutuan dan negeri di Malaysia. Ini menjelaskan lagi bahawa Islam yang diterima dan diiktiraf di Malaysia hanyalah Ahli Sunnah. Sebagaimana yang akan dibincangkan, Ahli Sunnah telah dijadikan sebagai sumber rujukan nas atau mazhab, kerangka dalam pentadbiran Islam, dan sebagai salah satu syarat dalam perlantikan jawatan berkaitan agama Islam.

Bukti utama bahawa undang-undang Islam di Malaysia hanya mengiktiraf ahli Sunnah ialah menerusi rujukan nas dan mazhab yang dinyatakan secara jelas oleh perundangan Islam di negeri-negeri di Malaysia. Seluruh Enakmen Pentadbiran Islam negeri-negeri di Malaysia telah mentafsirkan istilah 'Hukum Syarak' dengan maksud 'Undang-undang Islam mengikut mana-mana mazhab yang diiktiraf atau muktabar', seperti yang diperuntukan dalam seksyen 2 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993.¹¹ Setiap negeri telah memasukkan peruntukan berkaitan dengan rujukan nas dan mazhab apabila sesuatu keputusan fatwa hendak dikeluarkan ataupun rujukan dalam mentadbir perundangan Islam. Bagaimanapun, peruntukan yang ada hanya untuk perkara fiqh iaitu dengan merujuk kepada *qaul muktamad* dalam mazhab Shafie. Sekiranya bercanggah dengan kepentingan awam, pandangan dalam mazhab muktabar yang lain iaitu mazhab Maliki, Hanbali dan Hanafi akan dirujuk. Jika Mufti atau Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun *qaul muktamad* daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti atau Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijihad tanpa terikat dengan *qaul muktamad* daripada mana-mana Mazhab yang empat itu.¹² Peruntukan sebegini terdapat dalam semua negeri melainkan Perlis. Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 Perlis, dalam memperakukan fatwa dan memperakukan pendapat, jawatankuasa fatwa hendaklah mengikut al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah S.A.W.¹³ Malahan, terdapat juga tafsiran 'hukum syarak' yang merujuk kepada Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah.¹⁴ Namun rujukan dalam perkara akidah tidak dinyatakan secara jelas dalam mana-mana peruntukan di mana-mana negeri. Negeri Kelantan lebih terkehadapan berbanding negeri lain kerana menyatakan secara bertulis bahawa semua perkara akidah perlu mengikut qaul dalam Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah.¹⁵ Bagi

menyelesaikan kekeliruan ini, perlu diketahui bahawa 'Hukum Syarak' merangkumi perkara akidah dan fiqh. Justeru, niat penggubal perundangan dapat diketahui daripada peruntukan sedia ada. Menurut peruntukan sedia ada berkenaan 'rujukan nas', mazhab yang diterima pakai ialah Shafie, Hanafi, Maliki dan Hanbali. Kesemua mazhab ini adalah pecahan mazhab dalam Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah. Justeru, mazhab Ahli al-Sunnah tetap terpakai dalam perkara akidah walaupun tidak menyatakan secara terang sebagaimana Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 tentang rujukan nas dalam perkara akidah.

Selanjutnya, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah membuat beberapa ketetapan yang berkaitan dengan keautoritian Ahli Sunnah sebagai mazhab yang diiktiraf, sebagaimana berikut:¹⁶

1. Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak.
2. Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri bagi memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri hendaklah agama Islam berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak.
3. Memperuntukkan pindaan kepada semua Undang-undang Negeri dan Hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif hukum Syarak atas Undang-undang Islam seperti berikut: Hukum Syarak atau Undang-undang Islam ertinya Undang-undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak.
4. Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah adalah bercanggah dengan hukum syarak dan Undang-undang Islam dan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah adalah dilarang.
5. Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada Undang-undang Islam hukum syarak yang berasaskan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah wa al-Jamaah sahaja.
6. Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah adalah diharamkan.

Fatwa yang dikeluarkan ini benar-benar menggambarkan bahawa Islam yang diiktiraf di Malaysia adalah mazhab Ahli Sunnah sahaja dan selainnya perlu dikawal dan disekat, malahan semua muslim tertakluk kepada perundangan yang ditafsirkan menurut metodologi Ahli Sunnah. Selain itu, fatwa ini juga secara jelas menggesa sekatan terhadap penyebaran apa-apa ajaran yang bertentangan dengan Ahli Sunnah terhadap orang Islam.

Keautoritian Ahli Sunnah sebagai mazhab 'rasmi' juga dapat dilihat dalam aspek perjawatan dalam organisasi agama Islam, sama ada badan kerajaan mahupun profesional. Negeri Perlis dan Johor adalah antara negeri yang mensyaratkan para peguam Syarie yang beramal di negerinya berakidah dengan Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah menerusi seksyen 25 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Perlis 1991¹⁷ dan Kaedah 9, Kaedah-kaedah Peguam Syarie, 1982 (Johor PU1). Berbanding dengan negeri-negeri lain seperti Wilayah Persekutuan yang sekadar mensyaratkan beragama Islam. Malahan, Selangor tidak menyatakan sebarang syarat bersifat agama bagi peguam syarie. Selain itu, perlantikan tujuh ahli Mahkamah Rayuan Syariah di negeri Perlis juga disyaratkan berpegang dengan mazhab Ahli al-Sunnah yang dilantik oleh Raja Pemerintah.¹⁸ Negeri Kelantan juga menetapkan syarat untuk menjadi ahli Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan mestilah seorang Islam yang berakidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah.¹⁹ Seterusnya, dalam seksyen 26 Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006²⁰ dinyatakan bahawa setiap guru yang telah diberikan tauliah kebenaran untuk mengajar agama terikat dengan syarat untuk tidak mengajar atau berdakwah apa-apa ajaran yang bertentangan dengan Ahli Sunnah. Selain itu, para guru juga tidak dibenarkan menghina perkara *khilafiah* yang terdapat dalam empat mazhab dalam Ahli Sunnah yang muktabar. Daripada dua perkara ini, jelaslah bahawa Dewan Undangan Negeri dan Parlimen mempunyai niat untuk mendefinisikan Islam sebagai Ahli Sunnah. Peruntukan statut ini menguatkan lagi bahawa mazhab dan ajaran selain Ahli Sunnah tidak diiktiraf oleh mana-mana perundangan bertulis Islam di Malaysia. Bagi mengukuhkan pernyataan ini, kedudukan Ahli Sunnah dalam kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah di Malaysia perlu dibahasakan.

Mahkamah sivil dan syariah turut mengiktiraf mazhab Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah sebagai asas dalam kerangka perundangan di Malaysia. Di mahkamah syariah, mahkamah mengutamakan mazhab Ahli Sunnah sebagai asas perundangan Islam dan pengamalan mazhab selain itu tidak mendapat tempat dalam forumnya. Dalam kes *Pendakwa v Abd. Talib bin Harun dan lain-lain*,²¹ tertuduh telah dituduh menjalankan perbuatan yang bertentangan dengan Hukum Syarak, perkahwinan secara *mut'ah*, ajaran salah, menerima zakat dan fitrah tanpa tauliah sebagai amil dan bersekedudukan luar nikah. Tertuduh telah dituduh di bawah seksyen 85, 153,

162 dan 165 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978. Bagaimanapun, tertuduh mengaku bahawa beliau adalah penganut fahaman dan ajaran Syiah Imamiah yang membenarkan perkahwinan *mut'ah*. Daripada penghakiman kes ini, jelaslah bahawa undang-undang syarak yang ditegakkan di Malaysia adalah mazhab Ahli Sunnah. Mana-mana pihak yang mendakwa menganut mazhab selainnya, adalah tertakluk kepada perundangan yang didaulatkan di Malaysia. Ini bermaksud, sekiranya perkahwinan itu dibuat di bawah hukum mazhab Syiah, ia tetap juga perlu didaftarkan di bawah undang-undang di Malaysia. Dalam kes ini, mahkamah menegaskan bahawa tindakan mahkamah yang membuat keputusan dan hukuman tidak harus difahami sebagai suatu tentangan terhadap mana-mana mazhab tertentu, tetapi adalah suatu tindakan terhadap segolongan orang Islam yang melanggar peruntukan undang-undang syarak yang dikuatkuasakan di negeri ini.²²

Manakala di mahkamah sivil, perbicaraan tentang mazhab yang terpakai di Tanah Melayu, telah bermula semenjak tahun 1918. Ketika itu, hakim-hakim Inggeris sudah menyedari dan mengiktiraf mazhab yang digunapakai di Tanah Melayu. Dalam kes *Saeda Binti Abubakar & Malek Bin Haji Mohamed Yusup v Haji Abdul Rahman Bin Haji Mohamed Yusup & Usman Bin Haji Mohamed Yusup*, Mahkamah Tinggi [Selangor]²³ telah menolak hujah peguam pihak wasi wasiat yang menggunakan kes-kes India yang penghakimannya berasaskan mazhab Syiah. Mahkamah menolak autoriti kes *Banoo Begum v Mir Abed Ali*²⁴ memandangkan kes itu diputuskan mengikut mazhab Syiah. Mahkamah menyatakan bahawa kes ini boleh memberi kesan jika sekiranya pembuat wasiat dalam kes ini adalah seorang yang bermazhab Syiah, akan tetapi tidak ada kesannya kepada seorang Melayu yang bermazhab Shafie yang merupakan sebahagian daripada mazhab Ahli al-Sunnah. Walaupun masyarakat Islam di Malaysia majoritinya berpegang dengan mazhab Shafie, mahkamah tetap membenarkan rujukan dibuat terhadap mazhab Ahli Sunnah yang lain. Contohnya, dalam kes *Mustak Ahmed Dato' Hj. Abdul Rahim Gulam Rasool Shaik v Abdul Wahid Dato' Hj. Abdul Rahim Gulam Rasool Shaik & Ors*²⁵ dan *Commissioner For Religious Affairs; Trengganu & Ors v Tengku Mariam Binti Tengku Sri Wa Raja & Anor All.*²⁶ Pemakaian doktrin mazhab Ahli Sunnah yang lain selain Shafie adalah diterima dalam perkara-perkara yang melibatkan orang Islam. Mahkamah menyatakan bahawa para ulama telah bersetuju bahawa semua umat Islam boleh memilih untuk mengikut mana-mana empat mazhab yang lebih mereka cenderung dalam perkara melaksanakan kewajipan agama dan ikutan itu boleh secara sebahagian atau sepenuhnya memandangkan kesemua empat imam ini adalah autoriti. Dapatan yang sama juga dapat dilihat dalam beberapa kes seperti *Saravanan Thangathoray v Subshini Rajasingam & Another Appeal*,²⁷ *Public Prosecutor v Wee Mee Industries Co. Sdn. Bhd.*²⁸ dan *Shamala Sathiyaseelan*

v Dr. Jeyaganesh C. Mogarajah.²⁹ Mahkamah dalam kes-kes ini menekankan bahawa perundangan Islam didefinisikan sebagai 'undang-undang Islam mengikut mana-mana mazhab yang diiktiraf atau muktabar (Hanafi, Maliki, Shafie, dan Hanbali).' Sebagaimana yang ditegaskan oleh mahkamah, kesemua mazhab ini telah menjadikan al-Quran dan al-Hadith sebagai sumber perundangan.

Jelaslah daripada latar belakang ini, bahawa Malaysia telah menjadikan mazhab Ahli Sunnah sebagai dasar dan kerangka kepada perundangan Islam. Islam yang dijadikan sebagai agama persekutuan sebenarnya adalah Islam bermazhab Ahli Sunnah, sebagaimana diterangkan oleh statut-statut negeri. Persoalannya, sejauh mana kumpulan agama minoriti selain Ahli Sunnah, walaupun masih Muslim, mempunyai hak penyebaran agama dan ideologi? Sejauh mana peruntukan perundangan Islam di negeri-negeri di Malaysia boleh menyekat kebebasan beragama komuniti agama minoriti?

DAPATAN DAN PERBINCANGAN: KEBEBASAN BERAGAMA BAGI KUMPULAN AGAMA MINORITI SELAIN AHLI SUNNAH WA AL-JAMAAH

Apabila membincangkan kebebasan beragama, terdapat tiga aspek yang perlu diberikan perhatian iaitu hak menganut, mengamalkan dan pengajaran agama. Sebagaimana yang diujulkan oleh Taylor,³⁰ di bawah komponen pengajaran agama, wujud hak penyebaran agama atau dakwah kepada individu atau kelompok lain. Penyebaran agama pula meliputi aktiviti dakwah, penyebaran material bercetak, aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta pengucapan awam.

Kebebasan agama adalah suatu yang dijamin oleh Perkara 18 *Universal Declaration of Human Rights* (Deklarasi Hak Asasi Manusia Antarabangsa)³¹ dan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.³² Di Malaysia, setiap orang bebas untuk menganut dan mengamalkan sebarang agama, walaupun Islam adalah agama persekutuan sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan ini, kelihatan bahawa setiap orang bebas untuk memilih apa-apa mazhab, tafsiran, ajaran dan ideologi dalam Islam. Tiada peruntukan undang-undang yang menghalang seseorang untuk berbuat sedemikian, melainkan jika mazhab atau ajaran itu telah dikategorikan sebagai ajaran sesat. Perlu diketahui bahawa terdapat perbezaan antara kumpulan minoriti agama yang dikategorikan sebagai ajaran sesat dan kumpulan agama yang masih Muslim tetapi tidak berpegang dengan Ahli Sunnah.

Di Malaysia, terdapat sekatan perundangan terhadap sebarang aktiviti penyebaran agama kepada orang Islam. Sebagaimana diujulkan oleh Harding,³³

Perkara 11 secara jelas menggariskan perbezaan antara mengamalkan agama dan menyebarkan agama. Perkara 11 ini jugalah yang menggambarkan konsep kebebasan beragama di Malaysia tidak bersifat mutlak dan bersyarat, tidak sebagaimana yang diaspirasikan dalam dunia demokrasi Barat. Ini bermakna kebebasan beragama di Malaysia tidak meliputi semua bentuk dan aktiviti keagamaan. Menurut Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, kebebasan beragama tertakluk kepada Fasal 4: 'Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.' Jelaslah bahawa peruntukan Perkara 11 ini hanya memberikan kebebasan untuk menganut apa-apa kepercayaan, kefahaman dan agama. Tetapi, tidak boleh menyebarkan sebarang mazhab dan ajaran yang tidak selari dengan Islam kepada orang Islam. Ini bermakna, sebarang penyebaran agama selain Islam Ahli Sunnah terhadap muslim adalah dilarang. Sekatan ini termasuklah meliputi mazhab dan ajaran yang bertentangan dengan Ahli Sunnah. Memandangkan peruntukan perlembagaan bersifat umum, justeru wajar ia ditafsirkan sebagai umum, merangkumi semua jenis agama dan juga denominasi atau mazhab ataupun ajaran dalam sesuatu agama. Tafsiran secara umum sebegini telah diujulkan oleh Harding.³⁴ Harding berhujah bahawa peruntukan Perkara 11(4) turut melibatkan mana-mana individu muslim atau tidak, agama selain Islam ataupun kumpulan dalam Islam itu sendiri. Malahan, menerusi peruntukan Perkara 11(5), apa-apa agama, kepercayaan, ajaran dan iktikad yang boleh mengancam keselamatan awam, kesihatan dan moral tidak boleh diamalkan di Malaysia dan boleh dianggap sebagai satu kesalahan serta dikenakan tindakan perundangan.

Kawalan perundangan terhadap kebebasan menyebarkan agama adalah perlu dalam konteks Malaysia. Hakim Raja Azlan Shah dalam kes *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik*.³⁵

Tidak boleh terdapat keadaan mengiakan kebebasan mutlak atau tanpa kawalan yang keseluruhannya bebas dari sekatan; kerana ini akan menjurus kepada anarki dan kacau-bilau. Pemilikan dan penikmatan semua hak adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang munasabah yang dianggap sebagai penting kepada keselamatan, kesihatan, keamanan dan ketenteraman awam dan moral masyarakat. Apa yang cuba dilakukan oleh Perlembagaan dalam mengisytiharkan hak-hak rakyat ialah mengimbangkan antara kemerdekaan individu dan kawalan sosial.

Jelaslah bahawa sekatan kebebasan beragama tidak menyentuh kepada anutan dan amalan, tetapi hanya menghalang sebarang aktiviti penyebaran terhadap

orang Islam sahaja. Jika ajaran, ideologi dan mazhab itu disebarkan kepada bukan Islam, maka perundangan tidak menghalangnya. Konsep sebegini dipersetujui oleh Kirby³⁶ yang berhujah bahawa sekatan kepada hak beragama adalah suatu yang sah, sebagaimana disebut dalam Kovenan Antarabangsa Tentang Hak Sivil dan Politik 1976 (*International Covenant on Civil and Political Rights - ICCPR*):

Article 18(3): Freedom to manifest one's religion or beliefs may be subject only to such limitations as are prescribed by law and are necessary to protect public safety, order, health, or morals or the fundamental rights and freedoms of others.

Kirby menjelaskan bahawa dalam mana-mana masyarakat, penegakan hak asasi kebiasaannya melibatkan keseimbangan kebebasan individu dan juga kepentingan masyarakat. Bagaimanapun, Kirby menyambung, mahkamah boleh melanggar hak asasi manusia sekiranya wujud kepentingan masyarakat yang perlu diutamakan. Walaupun dilihat bahawa peruntukan Perkara 11(4) selari dengan ICCPR, namun Malaysia tidak menandatangani ICCPR. Sebagaimana dibincangkan oleh Keraan,³⁷ maka Malaysia tidak mempunyai sebarang tanggungjawab untuk mengutamakan kebebasan beragama sebagaimana yang ditetapkan oleh standard ICCPR. Justeru, apabila Malaysia tidak terikat dengan ICCPR, peruntukan perundangan yang menghalang penyebaran agama kepada Muslim tidak dianggap sebagai ketidakpatuhan kepada konvensyen tersebut.

Harding³⁸ menjelaskan bahawa halangan daripada menyebarkan agama bukan Islam kepada muslim dan juga kawalan negeri terhadap dakwah dalam ajaran Islam adalah bertujuan untuk mengekalkan kestabilan masyarakat. Justeru, Harding melihat peruntukan ini bermasalah kerana ia bercanggah dengan konsep kebebasan beragama dan menjejaskan kedudukan penganut agama lain ataupun muslim yang bermazhab selain daripada Ahli Sunnah. Harding berhujah bahawa pengekalan peruntukan ini untuk suatu masa yang lama, akan menjejaskan prinsip kebebasan beragama, suatu hak yang lebih utama berbanding hak asasi yang lain pada diri manusia. Walaupun pandangan Harding ini ada kebenarannya, namun tujuan peruntukan itu adalah untuk mengekalkan kestabilan masyarakat di Malaysia yang begitu sensitif dengan penyebaran agama lain ataupun mazhab selain Ahli Sunnah yang berpotensi untuk menjejaskan keselamatan negara dan keharmonian kaum. Buktinya, setiap kali isu berkaitan kebebasan beragama meletus di Malaysia, masyarakat Muslim begitu reaktif dan sensitif dengan melakukan pelbagai provokasi dan demonstrasi. Kes *Kementerian Dalam Negeri dan lain-lain v Jamaludin Bin Othman*³⁹ dan *Lina Joy v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & yang lain*⁴⁰ menjadi saksi terhadap bentuk dan kadar

sensitiviti masyarakat Muslim di Malaysia. Begitu juga dengan reaksi masyarakat Islam dalam kes pengharaman kumpulan Al-Arqam yang difatwakan sebagai terkeluar daripada mazhab Ahli Sunnah. Pengikut Al-Arqam telah ditahan dua kali di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada tahun 1994 dan 1996 kerana menjejaskan keselamatan awam.

Selanjutnya, sekatan terhadap penyebaran agama adalah suatu yang tidak berlaku dalam negara yang mempunyai kandungan perlembagaan yang hampir sama dengan Malaysia, seperti India dan Singapura. Perlembagaan Malaysia mengambil kerangka dan aspirasinya daripada India, manakala Perlembagaan Singapura mengadaptasi peruntukannya daripada Malaysia. Walaupun demikian, peruntukan Perkara 11(4) yang menjadi subjek perbincangan dalam artikel ini tidak diperuntukkan di India mahupun Singapura. Dalam satu kes India, *The Commissioner, Hindu Religious Endowment, Madras v Sri Lakshmindra Thirtha Swamier Muti*,⁴¹ Mahkamah Agung India mengingatkan bahawa; "jaminan di bawah perlembagaan kita bukan sahaja melindungi hak kebebasan beragama untuk berpendapat tetapi juga melindungi perlakuan yang dibuat atas dasar keagamaan dan inilah sesuatu yang jelas dimaksudkan sebagai 'kebebasan beragama'..." India, memberikan kebebasan mutlak untuk mana-mana agama diamalkan dan disebarkan. Dalam satu kes Singapura, *Chan Hiang Long Colin v Minister for Information and the Art*,⁴² Mahkamah Rayuan menerangkan bahawa tiada satu peruntukan dalam Akta Pertubuhan Singapura (Disemak 1985) dan Akta Penerbitan yang Tidak Dikehendaki (1970 Ed. Cap. 107) yang menghalang untuk menganut kepercayaan agama. Mahkamah menekankan bahawa "bukanlah satu kesalahan di bawah undang-undang untuk menganut fahaman Jehovah's Witness, dan bukan satu jenayah bagi Jehovah's Witness. Seseorang rakyat berhak menganut, mengamalkan atau berdakwah kepercayaan agamanya, walaupun ia adalah Jehovah's Witness, tidak akan ada tindakan yang diambil..." Memandangkan tiada peruntukan seperti Perkara 11(4), maka kedua-dua negara sekular itu membenarkan semua bentuk kebebasan beragama termasuklah penyebarannya kepada penganut agama lain.

Sehingga hari ini, tidak terdapat kes yang berkaitan dengan hak penyebaran agama dan ajaran terhadap Muslim Ahli Sunnah di Malaysia. Ini kerana setakat artikel ini ditulis, kesemua kes yang dilaporkan hanya berkaitan dengan kebebasan menganut dan mengamalkan agama. Kes paling utama ialah *Lina Joy v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & yang lain*,⁴³ yang manakala Mahkamah Persekutuan tetap menekankan isu bidangkuasa mahkamah, berbanding menyentuh isu hak menganut agama yang dipilih oleh plaintiff. Malahan, plaintiff telah gagal dalam permohonannya untuk menggugurkan status agama asalnya iaitu 'Islam' dalam kad pengenjalannya. Selanjutnya dalam kes *Kementerian Dalam Negeri dan lain-lain v Jamaludin Bin Othman*,⁴⁴

kebebasan untuk menganut dan mengamalkan agama tidak dianggap sebagai satu lesen untuk terlibat dalam perbuatan yang bercanggah dengan undang-undang atau perbuatan yang menjurus kepada prejudis atau menjejaskan keselamatan negara. Jika dilihat pada kes *Hajah Halimatussaadiyah Bte. Haji Kamaruddin v Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan lain-lain*,⁴⁵ mahkamah telah membenarkan hak seseorang itu untuk mengamalkan tuntutan agamanya sebagaimana yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan tetapi mempunyai had batasan, iaitu tidak boleh menjejaskan keselamatan awam. Walaupun kedua-dua kes ini tidak membincangkan tentang hak menyebarkan agama, namun mahkamah secara jelas membuktikan bahawa kebebasan beragama hanyalah tertakluk kepada kepentingan awam dan keselamatan negara. Justeru, prinsip perundangan ini turut mentadbir hak penyebaran mana-mana agama dan ajaran.

Apakah peruntukan undang-undang yang boleh dikenakan terhadap pengikut mana-mana agama, mazhab atau ajaran selain Ahli Sunnah di Malaysia? Jadual 9 Senarai II Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa kepada kerajaan negeri iaitu 'mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang yang menganut agama Islam', suatu peruntukan yang berhubungan dengan Perkara 11. Sehubungan itu, setiap negeri telah menggubal dua jenis statut iaitu satu enakmen jenayah di bawah sistem perundangan syariah yang akan dikuatkuasa oleh mahkamah syariah dan satu lagi enakmen di bawah sistem perundangan sivil yang akan dikuatkuasakan oleh mahkamah sivil. Kewujudan dua statut dalam dua sistem perundangan ini bertujuan untuk memastikan tiada sesiapa boleh terlepas daripada tindakan perundangan jika melakukan sebarang penyebaran agama mahupun ajaran kepada orang Islam. Sebagaimana dihujahkan oleh Nurjaanah,⁴⁶ mahkamah syariah hanya boleh mendakwa orang Islam di Malaysia, maka hanya Muslim yang membawa ajaran bertentangan dengan Islam (Ahli Sunnah) sahaja yang boleh didakwa. Pendakwaan di mahkamah syariah tidak boleh dibuat terhadap bukan Muslim yang menyebarkan ajaran agama mereka terhadap Muslim, sebaliknya mahkamah sivil adalah forumnya yang tepat.

Peruntukan berkaitan penyebaran agama terhadap orang Islam atau dalam agama Islam itu sendiri telah berkembang bermula pada zaman pemerintahan British sehinggalah pada abad ke-21 ini. Jika dilihat dengan enakmen pentadbiran Islam di negeri-negeri sebelum merdeka, terdapat beberapa bentuk peruntukan yang melibatkankawalan terhadap sebarang ajaran dan mazhab yang bercanggah dengan Ahli Sunnah. Sebagai contoh; (1) mengajar apa-apa ajaran Islam tanpa kebenaran pihak berkuasa agama atau kadhi, (2) mengajar dan menyebarkan apa-apa ajaran atau mengerjakan amalan yang bercanggah dengan hukum Islam, (3) mencetak dan menerbitkan bahan terbitan yang bercanggah

dengan hukum syarak.⁴⁷ Selepas merdeka, perundangan sebegini diperbaiki lagi dan diperkemas. Sehingga hari ini, setiap negeri telah memperuntukkan statut yang berkaitan dengan kesalahan jenayah akidah di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah negeri. Menerusi peruntukan inilah pelbagai mazhab dan ajaran yang bertentangan dengan Ahli Sunnah dikenakan tindakan. Antara peruntukan itu ialah kesalahan mengembangkan doktrin agama yang bertentangan dengan Islam⁴⁸ serta mengajar ajaran dan amalan salah.⁴⁹ Antara contoh peruntukan statut berkaitan dengan penyebaran ajaran agama ialah seksyen 7(1) Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 telah memperuntukkan tentang kesalahan doktrin serta ajaran palsu dan sesat yang bertentangan dengan hukum syarak dan fatwa boleh dikenakan hukuman denda RM5,000 atau dipenjarakan tidak lebih tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu. Selain itu, terdapat satu statut khusus yang mengawal dan menyekat pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam di negeri-negeri di Malaysia yang tidak ditadbir oleh mahkamah syariah, tetapi oleh mahkamah sivil. Terdapat sembilan negeri sudah menguatkuasakan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam yang ditadbir di bawah mahkamah sivil.⁵⁰ Antara kesalahan yang terkandung dalam statut ini ialah memujuk, mempengaruhi dan menghasut orang Islam supaya mengubah kepercayaan, mendedahkan orang Islam berumur bawah 18 tahun kepada pengaruh agama bukan Islam, mendekati orang Islam untuk mendedahkannya kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan mengenai agama bukan Islam, menghantar atau menyerahkan penerbitan berkaitan mana-mana agama selain Islam kepada orang Islam serta membahagikan bahan bercetak mengenai agama bukan Islam di tempat awam kepada orang Islam.

Daripada perbincangan di atas, jelaslah bahawa peruntukan undang-undang jenayah syariah lebih tertumpu untuk mengawal sebarang penyebaran ajaran daripada kumpulan agama minoriti terhadap penganut Muslim Ahli Sunnah. Persoalan yang timbul, adakah peruntukan syariah di Malaysia yang mengakibatkan kebebasan beragama kumpulan minoriti terhalang? Benarkah sistem perundangan Islam yang bermasalah sehingga menafikan hak beragama di kalangan pelbagai penganutnya? Jawapannya benar, tetapi ia adalah suatu yang sah di bawah Perlembagaan Malaysia. Walaupun para pengikut kumpulan agama minoriti Muslim telah terjejas hak mereka untuk menyebarkan ajaran mereka, namun mereka masih bebas untuk menganut dan mengamalkan ajaran mereka. Walaupun hak asasi dijamin oleh Islam, namun status agama seseorang boleh memberikan implikasi kepada haknya, sebagaimana dihujahkan oleh Nawaz,⁵¹ memandangkan institusi Islam di Malaysia mengikuti kerangka interpretasi golongan tradisionalis Islam. Bagaimanapun, Nawaz menegaskan diskriminasi berasaskan agama adalah

suatu yang dilarang dalam Islam. Sebelumnya, Nawaz mengingatkan bahawa fakta ini tidak sewajarnya memberikan idea bahawa Islam adalah suatu agama yang bermasalah dengan hak asasi manusia. Kumpulan agama minoriti selain Ahli Sunnah tidak didiskriminasi oleh undang-undang di Malaysia kerana mereka masih boleh menganut dan mengamalkan ajaran mereka.

Sejauhmana peruntukan undang-undang yang menyekat penyebaran ajaran dan ideologi terhadap kumpulan minoriti Muslim adalah suatu yang sah? Bagi menjawab persoalan ini, Vickers⁵² berhujah bahawa peruntukan kebebasan beragama mempunyai dua jenis iaitu *forum internum* dan *forum externum*. *Forum internum* yang bermaksud kebebasan untuk menganut dan bersifat fokus diri yang bersifat mutlak dan dijamin oleh semua perlembagaan dan konvensyen antarabangsa. Tetapi, *forum externum* adalah amalan atau manifestasi agama yang melibatkan pihak lain di tempat awam. *Forum externum* kelihatan begitu luas untuk ditakrifkan, sebagaimana dihujahkan oleh Scharffs,⁵³ merangkumi semua bentuk ibadah, pengajaran, penyebaran dan amalan agama. Aktiviti penyebaran agama termasuklah menyediakan bahan bertulis dan bercetak untuk tujuan dakwah.⁵⁴ *Forum externum* adalah hak yang tidak diberikan sepenuhnya, malahan kerajaan atau badan perundangan boleh menyekatnya. Justeru, apa-apa manifestasi agama adalah tertakluk kepada mana-mana perundangan sekatan yang sah. Sebarang penyebaran dan pengajaran agama kepada individu atau kumpulan di mana-mana tempat sama ada di rumah ibadah, sekolah, tempat pengajian dan rumah perlulah mengikut lunas undang-undang yang wujud di sesebuah negara.⁵⁵ Malahan, sekatan boleh dibuat berasaskan justifikasi untuk menjaga keselamatan awam, keteraturan, moral, kesihatan dan hak asasi orang lain. Brems⁵⁶ menambah undang-undang sekatan itu mestilah benar-benar boleh bertindak sebagai pelindung kepada semua perkara yang tersebut (keselamatan awam, moral dan kesihatan) dan perundangan itu memang terbukti sebagai suatu yang perlu. Sehubungan itu, berdasarkan hujah-hujah ini, sekatan undang-undang terhadap penyebaran ideologi dan ajaran kumpulan muslim minoriti adalah sah dan suatu amalan yang diterima oleh masyarakat antarabangsa. Jika diteliti pada semua konvensyen antarabangsa berkenaan hak kebebasan beragama, semuanya memberikan kebebasan beragama kepada setiap individu (*forum internum*) tetapi membenarkan undang-undang untuk menyekat mana-mana bentuk manifestasi (*forum externum*) yang menjejaskan keselamatan awam, keberperaturan, moral, kesihatan dan hak asasi orang lain. Contohnya, *European Convention on Human Rights and Fundamental Freedoms 1950*,⁵⁷ *Convention on the Rights of the Child 1989*,⁵⁸ *International Covenant on Civil and Political Rights 1966*,⁵⁹ dan *American Convention on Human Rights 1969*.⁶⁰

Sejauhmana sekatan hak penyebaran ajaran agama ini akan memberikan implikasi kepada Malaysia?

Sebagaimana diutarakan oleh Walterick,⁶¹ penafian sebarang hak untuk beragama membolehkan kumpulan minoriti yang ditekan akan cenderung kepada golongan pemisah, fundamentalis dan ekstrimis. Crouch⁶² mencadangkan agar kerajaan negara Islam memberikan hak kebebasan beragama kepada kumpulan agama minoriti, dan memastikan kumpulan radikal Islam tidak terus menasaskan tempat ibadah kumpulan minoriti agama. Kumpulan minoriti agama hanya mempunyai pilihan yang terhad untuk mendapatkan hak tersebut menerusi litigasi di mahkamah, namun mereka juga boleh berubah ke arah keganasan, hujah Crouch. Adakah kumpulan agama minoriti selain Ahli Sunnah di Malaysia berpotensi untuk menjadi golongan pemisah, penentang kerajaan dan ekstrimis sebagaimana dibayangkan Walterick dan Crouch? Persoalan yang memerlukan kajian lanjutan ini adalah suatu yang tidak mungkin berlaku kerana di Malaysia mereka tidak didiskriminasi dari segi hak menganut dan mengamalkan ajaran agama mereka. Malahan, Rehman⁶³ berhujah bahawa sebarang keganasan terhadap kumpulan minoriti agama dan pelanggaran hak ke atas mereka bukanlah suatu kesan daripada pemakaian perundangan Islam. Sebaliknya, keadaan keganasan itu diakibatkan oleh situasi politik dan perlembagaan sesebuah negara yang tidak efektif dalam mempertahankan hak beragama rakyatnya. Selanjutnya, Dawson & Thiru⁶⁴ berhujah bahawa sebarang sekatan dan tekanan terhadap kebebasan beragama di Malaysia akan mencambahkan lagi perkembangan trend Islamisasi dalam kehidupan peribadi rakyat, suatu keadaan yang bercanggah dengan nilai dan skim Perlembagaan Malaysia. Ini adalah implikasi yang begitu dikhuatiri oleh para pendukung sekularis dan berterusan berhujah bahawa Islam adalah agama ritual di Malaysia sebagaimana keputusan kes *Che Omar Che Soh v PP*.⁶⁵ Hujah sebegini sebenarnya telah lapuk kerana Islam mempunyai pengaruh yang begitu signifikan dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga perundangan negara sebagaimana keputusan kes-kes Mahkamah Persekutuan yang baharu seperti *Lina Joy* dan *Abdul Kahar Ahmad v Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan; Kerajaan Malaysia & Anor (Intervenors)*.⁶⁶

Ramai sarjana mengkritik perundangan Malaysia yang kelihatan mendiskriminasi kebebasan beragama bagi kumpulan agama minoriti sama ada Muslim ataupun bukan. Kritikan utama mereka tertumpu kepada Perlembagaan Persekutuan yang dikatakan telah secara terang memberi jaminan kebebasan beragama. Antaranya, Nurjaannah⁶⁷ yang berhujah bahawa hak beragama adalah hak yang dijamin oleh perlembagaan, maka setiap rakyat Malaysia perlulah diberikan hak tersebut. Begitu juga dengan Joseph⁶⁸ yang berhujah bahawa kebebasan beragama perlulah diberikan secara mutlak kerana kebebasan itu dijamin oleh perlembagaan. Ini kerana niat asal perlembagaan ketika didraf ialah untuk menjamin kebebasan

beragama. Joseph menyambung, mahkamah tidak wajar mengalihkan isu hak kebebasan beragama kepada isu lain seperti isu teknikaliti dan pertadbiran. Nurjaanah dan Joseph telah menutup mata mereka kepada peruntukan perlembagaan tersebut bahawa kebebasan yang diberikan itu tidak bersifat mutlak dan bersyarat. Perlembagaan dan perundangan di Malaysia memang menjamin kebebasan menganut dan mengamalkan tetapi menghalang sebarang penyebaran terhadap Muslim Ahli Sunnah. Mereka boleh menyebarkan kepada penganut agama selain Muslim Ahli Sunnah. Justeru, mereka masih bebas beragama.

KESIMPULAN

Secara amnya dirumuskan bahawa mana-mana kumpulan agama minoriti selain Ahli Sunnah bebas mempercayai, menganut dan mengamalkan ajaran mereka, namun mereka tidak boleh menyebarkan ajaran tersebut dan tidak boleh menjejaskan kepentingan awam. Kebebasan yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan begitu jelas menjamin hak menganut dan mengamalkan sahaja, tetapi menghadkan hak penyebaran agama tersebut. Justeru, sekatan terhadap hak penyebaran ajaran tersebut terhadap kumpulan dominan Muslim Ahli Sunnah tidaklah menjejaskan hak beragama mereka, malahan undang-undang tidak menghalang mereka menyebarkannya kepada penganut agama lain. Malahan, peruntukan perundangan yang melimitasi hak tersebut adalah suatu yang sah dan tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan mahupun konvensyen antarabangsa. Bagaimanapun, tidak ada satu pun kes yang dilaporkan berkenaan kesalahan penyebaran doktrin agama terhadap kumpulan dominan Ahli Sunnah, berbanding kes-kes kebebasan mengamalkan dan menganut agama. Namun, kes-kes itu menggambarkan bahawa kebebasan beragama di Malaysia tetap bersifat bersyarat iaitu selagi tidak menjejaskan keselamatan awam, kesihatan, moral, keteraturan dan kestabilan negara.

Apa yang diperuntukkan dalam perundangan Malaysia adalah suatu yang unik, bersandarkan kepada sejarah dan ciri negara Malaysia itu sendiri. Maka sebarang kritikan terhadap sistem perundangan di Malaysia perlulah bersandarkan kefahaman yang jelas tentang struktur sosio-budaya dan agama masyarakat di Malaysia. Malahan, sekiranya sebarang pelanggaran hak asasi berlaku, sewajarnya ia ditangani sendiri oleh sistem perundangan dalaman di Malaysia, sebagaimana yang diujjikan oleh Neo⁶⁹ yang mengatakan bahawa penegakan hak asasi hanyalah lebih berkesan jika dilakukan sendiri oleh masyarakat dalam sesebuah negara, tanpa campurtangan pihak antarabangsa yang mahukan pelaksanaan standard hak asasi antarabangsa ke sesebuah negara. Neo menambah, setiap masyarakat mestilah berusaha sendiri untuk mengekalkan hak

asasi di negaranya menerusi perbincangan ilmiah, terutamanya dengan menganalisa teks Islam dan menyesuaikan dengan tuntutan norma hak asasi antarabangsa. Penulisan ini mencadangkan agar kajian lanjutan dibuat berkenaan sejauhmana sekatan tersebut menjadikan kumpulan agama minoriti terlibat dalam sebarang aktiviti keganasan sebagai respon kepada sekatan yang dianggap mendiskriminasi mereka.

NOTA

¹ Angelina Sinyang, 'Markas Syiah Diserbu', *Utusan Malaysia*, 17 Disember 2010, hlm 1.

² Anon., Empat wakil pengikut Syiah bertemu Suhakam, *Utusan Malaysia*, 21 Disember 2010 (dalam talian) http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1221&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm&arc=hive%2c (31 Januari 2011).

³ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pihak Berkuasa Agama Pandang Serius Isu Ajaran Sesat (atas talian), <http://www.islam.gov.my/pihak-berkuasa-agama-pandang-serius-isu-ajaran-sesat>, 31 Januari 2011.

⁴ *Pendakwa Syarie Selangor Iwn Mohd. Asri bin Zainul Abidin @ Abdul Talib*, 22 KANUN (1) 147.

⁵ A. Cooray, 'The protection and promotion of religious rights: a Commonwealth survey' (2000) 12 *Sri Lanka Journal of International Law*, hlm 178.

⁶ T. Stahnke & R. Blitt, 'Religion-state relationship and the right to freedom of religion or belief: a comparative textual analysis of the constitutions of predominantly Muslim countries' (2007) 5 *International Journal of Civil Society Law*, hlm 43-156.

⁷ A. Diver & J. Thompson, Prayers, planners and pluralism: protecting the rights of minority religious groups, dlm. J. Rehman & S. Breau (pnyt.), *Religion, Human Rights and International Law: Studies in Religion, Secular Beliefs and Human Rights*, Martinus Nijhoff Publishers, The Netherlands, 2007, hlm 470-3.

⁸ Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

⁹ Mohammed Imam, 'Freedom of religion under federal constitution of Malaysia - a reappraisal' [1994] 2 *CLJ* lvii (Jun).

¹⁰ Perkara 12, Perlembagaan Republik Islam Iran.

¹¹ Akta 505.

¹² Seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (2001) Terengganu, seksyen 39 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (1993) Wilayah-Wilayah Persekutuan, seksyen 35 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (1991) Melaka, seksyen 39 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (1992) Perak, seksyen 35 Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' (1991) Negeri Sembilan, seksyen 41 Pentadbiran Undang-undang Islam (1991) Pahang. Negeri-negeri lain turut memperuntukan peruntukan yang sama dalam Enakmen Pentadbiran Islam negeri masing-masing.

¹³ Seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (2006) Perlis.

- ¹⁴ Seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (2006) Perlis.
- ¹⁵ Seksyen 37 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (1994) Kelantan.
- ¹⁶ E-Fatwa, Portal rasmi Fatwa Malaysia, Syiah Di Malaysia, (dalam talian) <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/syiah-di-malaysia> (31 Januari 2011).
- ¹⁷ Enakmen No. 5 (1991) Perlis.
- ¹⁸ Seksyen 10, Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (1991) Perlis.
- ¹⁹ Seksyen 14, Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu (1994) Kelantan.
- ²⁰ PU(A) 074/2006.
- ²¹ JH [1996/1417H] 150.
- ²² JH [1996/1417H] 150, hlm 159-160.
- ²³ [1982] 1 LNS 60.
- ²⁴ ILR 32 Bom 172.
- ²⁵ [1987] CLJ 230 (Rep) [1987] 2 CLJ 412.
- ²⁶ [1970] 1 LNS 21.
- ²⁷ [2007] 2 CLJ 451.
- ²⁸ [1985] 1 LNS 83.
- ²⁹ [2004] 3 CLJ 516.
- ³⁰ P. M. Taylor, *Freedom of Religion: UN and European Human Rights Law and Practice*, Cambridge University Press, United States of America, 2006, hlm 97 & 264.
- ³¹ "Setiap orang mempunyai hak kebebasan berfikir, bekepercayaan dan beragama; hak ini termasuklah kebebasan untuk menukar agama dan kepercayaan serta kebebasan untuk secara individu atau berkumpulan, secara umum atau persendirian untuk menunjukkan agamanya atau kepercayaan dalam ajaran, amalan, ibadah dan adat perayaan."
- ³² Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan:
- (1) Setiap orang mempunyai hak untuk menganut dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada klausa (4) untuk menyebarkannya.
- (4) Undang-undang negeri dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Undang-undang Persekutuan boleh mengawal dan menyekat penyebaran apa-apa fahaman agama dan kepercayaan di kalangan orang Islam.
- ³³ A. Harding, 'The keris, the crescent and the blind goddess: the state, Islam and the constitution in Malaysia' (2002) 6 *Singapore Journal International & Comparative Law*, hlm 167.
- ³⁴ A. Harding, *Law, Government and the Constitution*, Malayan Law Journal, Kuala Lumpur, 1996, hlm 202.
- ³⁵ [1971] 2 MLJ 108.
- ³⁶ M. Kirby, 'Fundamental human rights and religious apostasy: the Malaysian case of Lina Joy' (2008) 17 (1) *Griffith Law Review*, hlm 168.
- ³⁷ V. S. Karean, 'The Malaysian constitution and its identity crisis - secular or theocratic' (2006) *Lawasia Journal*, hlm 50.
- ³⁸ A. Harding, 'The keris, the crescent and the blind goddess: the state, Islam and the constitution in Malaysia' (2002) 6 *Singapore Journal International & Comparative Law*, hlm 169.
- ³⁹ [1989] 1 MLJ 418 (Mahkamah Agung).
- ⁴⁰ [2007] 3 CLJ 557, [2007] 1 SYA 38.
- ⁴¹ AIR 1954 SC 282.
- ⁴² [1996] 1 SLR 609.
- ⁴³ [2007] 3 CLJ 557, [2007] 1 SYA 38.
- ⁴⁴ [1989] 1 MLJ 418 (Mahkamah Agung).
- ⁴⁵ [1994] 3 MLJ 61 (Mahkamah Agung).
- ⁴⁶ Nurjaanah Abdullah, 'Legislating Faith in Malaysia' (2007) *Singapore Journal of Legal Studies*, hlm 275.
- ⁴⁷ Seksyen 143, 145 dan 147 Enakmen Terengganu 4/1955; seksyen 166, 167 dan 169 Enakmen Selangor 3/1952; dan seksyen 3(i) Enakmen Johor 15/1919.
- ⁴⁸ Seksyen 5 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997, seksyen 166 Enakmen Pentadbiran Uagama Islam dan Adat Resam Melayu (Pahang) 1982, seksyen 5 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996, seksyen 10 Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992, seksyen 5 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu 2001, seksyen 5 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.
- ⁴⁹ Seksyen 9 Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992, seksyen 52 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995.
- ⁵⁰ Enakmen No. 1 (Terengganu) 1980, Enakmen No. 11 (Kelantan) 1981, Enakmen No. 1 (Selangor) 1988, Enakmen No. 10 (Perak) 1988, Enakmen No. 1 (Melaka) 1988, Enakmen No. 11 (Kedah) 1988, Enakmen No. 5 (Pahang) 1989, Enakmen No. 9 (Negeri Sembilan) 1991, Enakmen No. 12 (Johor) 1991.
- ⁵¹ M. K. Nawaz, 'The concept of human rights in Islamic law' (1965) 11 *Harvard Law Journal*, hlm 325-332.
- ⁵² L. Vickers, *Religious Freedom: Religious Discrimination and the Workplace*, Hart Publishing, Great Britain, 2008, hlm 86-101.
- ⁵³ B. G. Scharffs, 'The freedom of religion and belief jurisprudence of the European Court of Human Rights: Legal, moral, political and religious perspectives' (2010-2011) 26 (1) *Journal of Law and Religion*, hlm 255.
- ⁵⁴ B. Labuschagne, 'Recognition of religious differences under Dutch Law' (1999-2000) 8(2) *Tilburg Foreign Law Review*, hlm 167.
- ⁵⁵ P. M. Taylor, *Freedom of Religion: UN and European Human Rights Law and Practice*, Cambridge University Press, United States of America, 2006, hlm 264.
- ⁵⁶ E. Brems, *A Commentary on the United Nations Convention On The Rights of the Child: Article 14: The Right to Freedom of Thought, Conscience and Religion*, Martinus Nijhoff Publishers, The Netherland, 2006, hlm 32.
- ⁵⁷ Artikel 18(2).
- ⁵⁸ Artikel 14(3).
- ⁵⁹ Artikel 18.
- ⁶⁰ Artikel 12(3).
- ⁶¹ S. Walterick, 'The prohibition of Muslim headscarves from french public schools and controversies surrounding the hijab in the western world' (2011) 20 *Temple International & Comparative Legal Justice*, hlm 251-282.

⁶² M. Crouch, 'Regulating places of worship in Indonesia: upholding freedom of religion for religious minorities?' (2007) *Singapore Journal of Legal Studies*, hlm 116.

⁶³ J. Rehman, 'Accommodating religious identities in an Islamic state: international law, freedom of religion and the rights of religious minorities' (2000) 7(2) *International Journal on Minority and Group Rights*, hlm 165.

⁶⁴ B. Dawson & S. Thiru, 'Lina Joy case and the future of religious freedom in Malaysia' (2007) *Lawasia Journal*, hlm 151-162.

⁶⁵ [1988] 1 LNS 150.

⁶⁶ [2008] 4 CLJ 309.

⁶⁷ Nurjaanah Abdullah, 'Legislating faith in Malaysia', hlm 289.

⁶⁸ A.L.R. Joseph, 'Unfettered religious freedom hangs by the thread of minority dissent in Malaysia: a review of the dissenting judgment of the federal court in the Lina Joy Case' (2009) 14 *Review of Constitutional Studies*, hlm 226.

⁶⁹ J. Neo, 'Anti-God, anti-Islam and anti-Quran: expanding the range of participants and parameters in discourse over women's rights and Islam in Malaysia' (2003) 21 *UCLA Pacific Basin Law Journal*, hlm 75.

RUJUKAN

- Anon., Empat wakil pengikut Syiah bertemu Suhakam, Utusan Malaysia, 21 December 2010 (online) http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1221&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm&arc=hive%2c [31 January 2011].
- Brems, E. 2006. *A Commentary on the United Nations Convention on The Rights of the Child: Article 14: The Right to Freedom of Thought, Conscience and Religion*. The Netherland: Martinus Nijhoff Publishers.
- Cooray, A. 2000. The protection and promotion of religious rights: a Commonwealth survey. *Sri Lanka Journal of International Law* 12:178.
- Crouch, M. 2007. Regulating places of worship in Indonesia: upholding freedom of religion for religious minorities?. *Singapore Journal of Legal Studies* 116.
- Dawson, B. & Thiru, S. 2007. Lina Joy case and the future of religious freedom in Malaysia. *Lawasia Journal*: 151-162.
- Diver, A. & Thompson, J. 2007. Prayers, planners and pluralism: protecting the rights of minority religious groups. In Rehman J. & Breau S. (ed.). *Religion, Human Rights and International Law: Studies in Religion, Secular Beliefs and Human Rights*. The Netherlands: Martinus Nijhoff Publishers.
- E-Fatwa. Official Portal Fatwa Malaysia, Syiah Di Malaysia. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/syiah-di-malaysia> [31 Januari 2011].
- Harding, A. 2002. The *keris*, the crescent and the blind goddess: the state, Islam and the constitution in Malaysia. *Singapore Journal International & Comparative Law* 6: 167.
- Harding, A. 1996. *Law, Government and the Constitution*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pihak Berkuasa Agama Pandang Serius Isu Ajaran Sesat. <http://www.islam.gov.my/pihak-berkuasa-agama-pandang-serius-isu-ajaran-sesat> [31 Januari 2011].
- Joseph, A.L.R. 2009. Unfettered religious freedom hangs by the thread of minority dissent in Malaysia: a review of the dissenting judgment of the federal court in the Lina Joy Case *Review of Constitutional Studies* 14: 226.
- Karean, V. S. 2006. The Malaysian constitution and its identity crisis - secular or theocratic. *Lawasia Journal*: 50.
- Kirby, M. 2008. Fundamental human rights and religious apostasy: the Malaysian case of Lina Joy. *Griffith Law Review* 17(1): 168.
- Labuschagne, B. 1999-2000. Recognition of religious differences under Dutch Law. *Tilburg Foreign Law Review* 8 (2): 167.
- Mohammed Imam. 1994. Freedom of religion under federal constitution of Malaysia - a reappraisal. *CLJ* 2 (Jun): lvii.
- Nawaz, M. K. 1965. The concept of human rights in Islamic law. *Howard Law Journal* 11: 325-332.
- Neo, J. 2003. "Anti-God, anti-Islam and anti-Quran": expanding the range of participants and parameters in discourse over women's rights and Islam in Malaysia. *UCLA Pacific Basin Law Journal* 21: 75.
- Nurjaanah Abdullah. 2007. Legislating Faith in Malaysia. *Singapore Journal of Legal Studies*: 275.
- Rehman, J. 2000. Accommodating religious identities in an Islamic state: international law, freedom of religion and the rights of religious minorities. *International Journal on Minority and Group Rights* 7(2): 165.
- Scharffs, B. G. 2010-2011. The Freedom of Religion and Belief Jurisprudence of the European Court of Human Rights: Legal, Moral, Political and Religious Perspectives. *Journal of Law and Religion* 26(1): 255.
- Sinyang, A. 2010. Markas Syiah Diserbu. *Utusan Malaysia*, 17 Disember: 1.
- Stahnke, T. & Blitt, R. 2007. Religion-state relationship and the right to freedom of religion or belief: a comparative textual analysis of the constitutions of predominantly Muslim countries. *International Journal of Civil Society Law* 5: 43-156.
- Taylor, P. M. 2006. *Freedom of Religion: UN and European Human Rights Law and Practice*. United States of America: Cambridge University Press.

Vickers, L. 2008. *Religious Freedom: Religious Discrimination and the Workplace*. Great Britain: Hart Publishing.

Walterick, S. 2011. The prohibition of Muslim headscarves from french public schools and controversies surrounding the hijab in the western world. *Temple International & Comparative Legal Justice* 20: 251-282.

Mohd Al Adib Samuri
Pensyarah
Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor.
Emel: al_adib@ukm.my

Datin Noor Aziah Mohd Awal
Profesor Madya
Fakulti Undang-undang
Felo Kanan
Institut Islam Hadhari
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor.
Emel: naha@ukm.my

Salmy Erdawati
Pensyarah
Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor.
Emel: salmy1001@yahoo.com

Izhar Ariff Mohd. Kashim
Pensyarah
Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor.
Emel: iz_har2001@yahoo.com

Ezad Azraai Jamsari
Pensyarah
Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam
Felo
Institut Kajian Rantau Asia Barat
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor.
Emel: ezad@ukm.my

Mohamad Zufazdlee Abul Hassan Ashari
Pembantu Penyelidik Siswazah
Institut Kajian Rantau Asia Barat
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor.
Emel: chotadonukm@gmail.com